

Keberkesanan pengajaran guru

UB 02.01.2013 B4



MINDA PENDIDIK

ABDUL SAID AMBOTANG

Bersama:

Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Shukri Zain, MUhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

► Satu pandangan umum

DALAM pendidikan formal, proses pengajaran dan pembelajaran haruslah diberi penekanan yang sewajarnya. Proses yang disinonimkan dengan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah melibatkan guru dan pelajar ini sememangnya memerlukan suatu usaha berterusan ke arah menyediakan pendidikan komprehensif dan efektif terhadap segala isi pelajaran yang disampaikan. Proses pengajaran juga dikenali sebagai pedagogi dalam istilah pendidikan, iaitu merujuk kepada kajian tentang kaedah dan prinsip pengajaran. Oleh itu, proses P&P perlu diberi 'sentuhan' yang dapat menarik minat para pelajar agar setiap isi pelajaran yang disampaikan memberi input maksimum terhadap kefahaman mereka.

Mewujudkan proses pengajaran yang berkesan memerlukan kepada komitmen guru sepenuhnya. Hal ini melibatkan perancangan dan strategi serta kemahiran guru yang padu dalam mengorganisasikan proses P&P dalam bilik darjah. Langkah awal dalam membentuk satu proses pengajaran yang berkesan adalah dengan menilai pertindanan domain kognitif, afektif dan psikomotor yang menjadi dasar objektif proses P&P. Guru seharusnya memerlukan segala persediaan yang rapi meliputi pengetahuan dan kemahiran penyampaian isi pelajaran agar membuka minda dan minat pelajar. Dengan itu, dapat membentuk suasana pembelajaran yang melibatkan tindak balas positif dan tingkah laku aktif para pelajar.

Menurut Tuner (2001) Pengajaran berkesan adalah pengajaran pakar dan cemerlang. Terdapat penggunaan istilah lain seperti mengajar dengan baik (Brown et al., 1993), mengajar

dengan kreatif (Woods et al., (1996) dan Pengajaran Berkualiti (Stones, 1992). Sharifah Alwiah Alsagoff (1983) pula menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkannya. Hal ini melibatkan corak pengajaran berstruktur dari segi organisasi bilik darjah serta mementingkan isi pelajaran. Selain itu, tindakan ini juga merujuk kepada perihal pengajaran guru yang lebih memusatkan kepada para pelajarnya sehingga mereka tertarik mengikuti aktiviti pembelajaran. Oleh itu, pembentukan proses pengajaran berkesan mempunyai nilai yang berbeza-beza namun masih bermatlamat untuk melihat hasil daripada isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.

Pengajaran merupakan aktiviti yang memerlukan penguasaan beberapa teknik kemahiran untuk mengajar secara berkesan dan bermakna. Untuk itu, guru perlu memahami kemahiran yang digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar mereka. Guru perlu melengkapkan diri dengan berbagai-bagai teknik pengajaran. Mereka perlu mengetahui teknik kemahiran membuat perancangan pengajaran dan menentukan objektif kerana mereka perlu memastikan hala tuju pelajar pada hujung tiap-tiap pelajaran.

Pelajar akan dianggap berjaya apabila seseorang pelajar dapat memahami apa isi kandungan yang diajar oleh gurunya semasa di dalam atau di luar kelas. Maka peranan guru dalam pengajaran amat penting dalam keberkesanan pengajarannya terhadap pelajarnya. Tanpa pengetahuan yang mendalam ilmu tidak dapat disampaikan secara berkesan (Tajul Ariffin, 1995). Justeru, proses pengajaran memerlukan persediaan yang mantap oleh seorang pendidik sebelum

terlibat secara langsung dalam proses P&P dalam bilik darjah.

Glickman (1990) dalam bukunya menegaskan bahawa peranan kepimpinan guru akan dapat dijalankan dengan berkesan sekiranya pemimpin tersebut mempunyai tiga kategori utama iaitu keperluan menguasai ilmu pengetahuan yang luas, tugas dan tanggungjawab dan keperluan mempraktikkan kemahiran dan kepakaran. Seorang guru yang mengajar mata pelajaran Ekonomi contohnya wajib menguasai pengetahuan yang mendalam dalam bidang ini untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan lancar. Apabila murid mengemukakan soalan, guru dapat memberi respons yang positif dan memenuhi keperluan ingin tahu murid yang mana keyakinan diri murid dapat dipupuk. Apabila memberi tugas kepada murid, guru juga harus menekankan pada matlamat setiap tugas dan murid pula patut memahami prosedur menimba ilmu dengan penemuan diri. Semasa proses pengajaran guru harus bertindak untuk memaksimumkan segala ilmu dan kaedah penyampaian berkesan dalam menguasai mood, suasana serta interaktif dua hala bersama murid.

Persediaan guru sebelum mengajar adalah sebagai medium menyediakan pelajar bersedia untuk mempelajari ilmu. Menurut Abd. Ghafar (2003), bagi menentukan keberkesanan pengajaran guru maka rancangan pelajaran perlu disediakan. Menurut Orlich et al. (2001), guru yang membuat persediaan mengajar dan menyatakan jangkaan atau harapan mereka kepada para pelajar mengundang peningkatan pencapaian akademik dalam kalangan pelajarnya.

Dalam proses keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, aspek motivasi sangat ditekankan dalam kalangan guru. Motivasi diri seorang guru

mempengaruhi hubungan langsung terhadap murid. Murid yang mempunyai motivasi pencapaian tinggi cenderung untuk menjadi murid berdikari dan bertanggungjawab ke atas kejayaan dan kegagalan mereka. Menurut Nasser Oroujlou dan Majid Vahedi (2011) dalam jurnalnya yang bertajuk "Motivation, Attitude and Language Learning", motivasi dan sikap memberi dorongan utama untuk memulakan pembelajaran dan penggerak untuk mengekalkan proses pembelajaran yang panjang dan sering membosankan.

Menurut Farrant (1981) pula, persediaan mengajar yang dibuat oleh setiap guru sebelum memasuki kelas sebenarnya ada tujuannya yang tersendiri, iaitu membantu mengingatkan guru yang sentiasa sibuk dengan tugasnya. Catatan yang dibuat haruslah ringkas dan tiap-tiap bahagian boleh dibaca dengan sekali pandang supaya bahan yang dibaca boleh diingatkan pada setiap langkah. Kenyataan ini disokong oleh Mok (2002c), menyatakan persediaan pelajaran itu haruslah padat dan senang diikuti serta tidak merupakan sebuah esei yang rigid.

Dalam tiap-tiap persediaan mengajar, tiga komponen perlu dipertimbangkan, iaitu persediaan, penyampaian dan penutup. Menurut Abdul Said (2011), seorang guru perlu mengetahui secara mendalam apa yang hendak disampaikan kepada pelajar kerana pengetahuan dan kemahiran guru akan menimbulkan rasa percaya dalam dirinya, seterusnya menambahkan kepercayaan pelajar terhadap guru. Guru tidak boleh mengajar sekiranya guru sendiri tidak memahami apa yang hendak diajar kepada pelajarnya (Orlich et al., 2001). Kenyataan ini disokong oleh Kauchak dan Eggen (1998), yang mencadangkan agar guru mesti mengetahui isi kandungan yang mereka hendak sampaikan untuk pelajarnya dan tahu cara untuk memindahkan ilmu tersebut kepada para pelajarnya dalam bentuk yang boleh diterima oleh pelajar.

Sikap guru juga memainkan peranan yang sangat penting bagi menghasilkan pengajaran berkesan kepada pelajar. Ini disebabkan guru menjadi model pembelajaran kepada pelajar. Selain mempelajari ilmu dari guru, pelajar juga mempelajari tingkah laku dan bahasa yang digunakan oleh guru mereka (Dembo, 1977). Sikap guru secara dasarnya akan mempengaruhi dan menentukan cara pemikiran guru (Clark dan Yinger, 1987). Sebagai seorang guru yang terlatih, guru haruslah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mantap.

Oleh itu, perancangan guru seharusnya lebih kreatif dari segi mengadakan pelbagai kemudahan dan sumber rujukan supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi lebih bermakna dalam mendorong proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi lebih sempurna. Sebagai seorang guru juga, adalah penting untuk guru membuat keputusan yang boleh membantu semua pelajar di dalam kelasnya. Terutamanya dalam menggalakkan setiap pelajar mempunyai tanggungjawab untuk belajar. Ini merupakan sikap yang paling penting yang perlu ada pada seseorang pelajar. Pengajaran guru akan membuahkan hasil sekiranya pelajarnya mempunyai keinginan untuk belajar. Keinginan ini dikenali sebagai motivasi (Orlich et al. 2001).

Secara kesimpulannya pengajaran berkesan merupakan satu bentuk andaian atau pandangan yang bersifat subjektif dan dinamik. Pengaruh persekitaran sekolah, pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar turut menyumbang ke arah mencapai tahap pengajaran yang berkesan sekiranya digarap dengan penuh kerjasama.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com